

**MENGKAJI KESAN PERUBAHAN HARGA GETAH DUNIA KE  
ATAS SYARIKAT MARDEC BHD**

**INOVATIF**

<b>NAMA</b>	<b>NO. PENDAFTARAN</b>
<b>NORFARIZA BINTI OMAR</b>	<b>08DIP03F504</b>
<b>DHARMEN KUMAR A/L NEELAMEGAN</b>	<b>08DPI03F505</b>
<b>HERMAN BIN ISMAIL</b>	<b>08DPI03F519</b>
<b>MOHD ADHAM BIN MD YUSOF</b>	<b>08DPI03F528</b>

**JABATAN PERDAGANGAN  
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
JULAI 2006**



## **PENGESAHAN LAPORAN PROJEK**

Laporan projek bertajuk "Mengkaji Kesan Perubahan Harga Getah Dunia Ke Atas Syarikat MARDEC BHD" ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang ditetapkan.

Disemak oleh :

Nama Penyelia : EN. MOHD. NAZAR BIN HAJI MAULUD

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disahkan oleh :

Nama Penyelaras : EN. MOHD. NAZAR BIN HAJI MAULUD

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

“Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya”

1. Tandatangan :

Nama : NORFARIZA BINTI OMAR

No. Pendaftaran : 08DPI03F504

Tarikh :

2. Tandatangan :

Nama : DHARMEN KUMAR A/L NEELAMEGAN

No. Pendaftaran : 08DPI03F505

Tarikh :

3. Tandatangan :

Nama : HERMAN BIN ISMAIL

No. Pendaftaran : 08DPI03F519

Tarikh :

4. Tandatangan :

Nama : MOHD ADHAM BIN MD YUSOF

No. Pendaftaran : 08DPI03F528

Tarikh :

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya penyelidik mampu menyiapkan projek bagi modul Projek Perniagaan (P 5128) dan dengan izin-Nya juga penyelidik telah dapat menyelesaikan tugas ini dalam tempoh yang diberi.

Di sini kami tujuan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelaras projek penyelidik selaku penyelia projek penyelidik, En. Mohd. Nazar Bin Haji Maulud yang telah banyak memberi tunjuk ajar, penerangan dan bantuan kepada penyelidik untuk menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa penyelidik yang banyak memberi dorongan dan kerjasama disamping segala bentuk bantuan dari segi kewangan utamanya. Terima kasih.

Sekalung penghargaan dan juga jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kajian ini khususnya responden iaitu kakitangan Syarikat MARDEC BHD. yang juga membantu secara tidak langsung dalam menyiapkan projek ini. Juga kepada En. Rodzal Had, Pegawai Sumber Manusia dan En. Kaharuddin, Pengurus Bahagian Operasi MARDEC BHD kerana memberi kerjasama kepada penyelidik dalam menyiapkan projek ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan kelas yang turut sama membantu kami dalam menghasilkan tugas ini samada secara langsung atau tidak langsung. Kerjasama anda amat kami hargai.

Akhir sekali ribuan terima kasih kepada ahli-ahli kumpulan penyelidik sendiri yang memberi komitmen yang penuh dan kerjasama yang baik dalam usaha menyiapkan projek ini. Dengan kerjasama yang erat serta kesungguhan menjalankan tanggungjawab telah memberikan kita semangat yang jitu sehingga terhasilnya tugas ini. Tahniah untuk kita semua.

Diharap semua berpuas hati dengan hasil kerja kami.

Sekian, terima kasih.

## **DEDIKASI**

Istimewa buat ibu ayah penyelidik yang disayangi, penyelia yang dihargai, para pensyarah yang dihormati dan teman seperjuangan...

## **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi syarat penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa). Tajuk kajian ini ialah “Mengkaji kesan perubahan harga getah dunia ke atas Syarikat MARDEC Bhd”. Kajian ini dijalankan untuk menilai dan mengkaji kesan perubahan harga getah dunia ke atas pengeluaran produk Syarikat MARDEC Bhd. Responden kajian ini terdiri daripada staf Syarikat Mardec Bhd. Seramai 30 orang staf dipilih secara rawak bagi mewakili populasi responden seramai 80 orang. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah instrumentasi borang soal selidik. Penganalisaan data adalah menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 13.0. Data dianalisis bagi mendapatkan peratusan dan juga min. Hasil dapatan menunjukkan kesan perubahan harga getah dunia ke atas Syarikat Mardec memberi perubahan yang ketara khususnya pada operasi pengeluaran dan permintaan tetapi tidak memberi perubahan pada bahagian operasi pegurusannya.

## **ABSTRACTS**

This research intentionally constructed to fulfill apart of the requirement to obtain Diploma in Business Studies (International Business). This study entitles "A study on the impact of the changes in world rubber price towards the Mardec Bhd's". This research is done to evaluate the impact of the changes in world rubber price towards the Mardec Bhd's product demand, production and Mardec Bhd's administration. This research was in descriptive method. The research developed by using questionnaire form. Research is being prepared by selecting randomly 30 staff on behalf 80 Mardec Bhd's staff. Data analysis is done by using Statistical Package for Social Science version 13.0 (SPSS). Data analysis used to give percentage and average. The result shows that changes of the world rubber price, have cause some problem in Mardec Bhd's production department and the demand of the goods. But there are no problems have been created in administration department.

## ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Pengesahan Status Laporan	i
	Pengesahan Laporan Projek	ii
	Pengakuan Pelajar	iii
	Penghargaan	iv
	Dedikasi	v
	Abstrak	vi
	Abstract	vii
	Isi Kandungan	viii
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Rajah	xiii
<b>1</b>	<b>1.0 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Getah	2
	1.2 Pengenalan Syarikat	4
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Rekabentuk Penyelidikan	6
	1.7 Tempat Kajian	7
	1.8 Sampel Kajian	7
	1.9 Instrumen Kajian	7
	1.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan	8
	1.11 Jangkamasa Kajian	9
	1.12 Analisis Data	9
	1.13 Peralatan, Bahan dan Konsep	9

<b>2</b>	<b>ULASAN KARYA</b>	
2.0	Pengenalan	10
2.1	Perubahan Harga Getah	11
	2.1.1 Petikan 1	11
2.2	Operasi	11
	2.2.1 RM 5 Juta Untuk Tingkat Prestasi	11
2.3	Pengeluaran	12
	2.3.1 Petikan 2	12
	2.3.2 Petikan 3	12
	2.3.3 Malaysia akan terus hasilkan satu juta tan metrik getah setahun	13
	2.3.4 Getah : Thailand atasi Malaysia	14
2.4	Permintaan	16
	2.4.1 Petikan 4	16
	2.4.2 Petikan 5	16
	2.4.3 Petikan 6	17
	2.4.4 Getah balak tanaman harapan	17
	2.4.5 Harga getah tertinggi dalam 18 tahun	19
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.0	Pendahuluan	21
3.1	Rekabentuk Kajian	22
3.2	Persampelan dan Popula Kajian	23
3.3	Tempat Kajian	23
3.4	Instrumentasi Kajian	24
3.5	Prosedur	27
3.6	Pengumpulan Data	27
3.7	Penganalisaan Data	28
3.8	Andaian	28
3.9	Batasan/Limitasi	28

## ANALISIS KAJIAN

4.0 Pengenalan 4.1 Analisis Bahagian A : Latar Belakang Responden 4.1.1 Taburan Responden Yang Dipilih Mengikut Jantina 4.1.2 Taburan Responden Yang Dipilih Mengikut Bangsa 4.1.3 Taburan Responden Yang Dipilih Mengikut Umur 4.1.4 Taburan Responden Yang Dipilih Mengikut Status  4.2 Analisis Bahagian B : Objektif Kajian (Ya/Tidak) 4.2.1 Mengkaji Kesan Perubahan Harga Getah Dunia Terhadap Operasi Syarikat MARDEC Berhad. 4.2.1.1 Kesan terhadap waktu kerja kakitangan 4.2.1.2 Perubahan dari segi pendapatan kakitangan syarikat. 4.2.2 Mengkaji Kesan Perubahan Harga Getah Dunia Terhadap Pengeluaran Produk Syarikat MARDEC Berhad. 4.2.2.1 Peningkatan kos pengeluaran produk berikutan perubahan harga getah dunia. 4.2.2.2 Masalah terhadap jumlah kuantiti produk yang dikeluarkan oleh pihak syarikat akibat dari perubahan harga getah dunia. 4.2.3 Mengkaji Kesan Perubahan Harga Getah	29 30 30  31  32  33   34 34  34  35  36  36  37  38
--	--

	Dunia Terhadap Permintaan Produk di Syarikat MARDEC Berhad.	
4.2.3.1	Syarikat meletakkan harga yang berpatutan walaupun menghadapi kesan daripada perubahan harga getah dunia.	38
4.2.3.2	Perubahan harga getah dunia memberi kesan kepada permintaan produk keluaran syarikat.	39
4.3	Analisis Bahagian C : Objektif Kajian ( <i>Likert Scale</i> )	40
<b>5</b>	<b>CADANGAN</b>	<b>43</b>
<b>6</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>45</b>
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Jadual Skala Likert	26
Jadual 4.1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	30
Jadual 4.1.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	31
Jadual 4.1.3	Taburan Responden Mengikut Umur	32
Jadual 4.1.4	Taburan Responden Mengikut Status	33
Jadual 4.2.1.1	Kesan Terhadap Waktu Kerja Kakitangan	34
Jadual 4.2.1.2	Perubahan Pendapatan Kakitangan Syarikat	35
Jadual 4.2.2.1	Peratus Pendapat Tentang Peningkatan Kos Pengeluaran Syarikat Berikutan Peningkatan Harga Getah Dunia	36
Jadual 4.2.2.2	Masalah Terhadap Jumlah Kuantiti Produk Yang Dikeluarkan Oleh Pihak Syarikat Akibat Daripada Perubahan Harga Getah Dunia.	37
Jadual 4.2.3.1	Pendapat Mengenai Perletakan Harga Syarikat Samada Berpatutan Atau Tidak.	38
Jadual 4.2.3.2	Kesan Terhadap Permintaan Produk Akibat Daripada Perubahan Harga Getah Dunia.	39
Jadual 4.3	Taburan Min Untuk Soalan yang Menggunakan Skala Likert	40

## **SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 4.1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	30
Rajah 4.1.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	31
Rajah 4.1.3	Taburan Responden Mengikut Umur	32
Rajah 4.1.4	Taburan Responden Mengikut Status	33
Rajah 4.2.1.1	Kesan Terhadap Waktu Kerja Kakitangan	34
Rajah 4.2.1.2	Perubahan Pendapatan Kakitangan Syarikat	35
Rajah 4.2.2.1	Peratus Pendapat Tentang Peningkatan Kos Pengeluaran Syarikat Berikutan Peningkatan Harga Getah Dunia	36
Rajah 4.2.2.2	Masalah Terhadap Jumlah Kuantiti Produk Yang Dikeluarkan Oleh Pihak Syarikat Akibat Daripada Perubahan Harga Getah Dunia.	37
Rajah 4.2.3.1	Peratus Persetujuan Responden tentang Perletakan Harga Oleh Syarikat MARDEC BHD terhadap produk keluaran mereka.	38
Rajah 4.2.3.2	Peratus Persetujuan Bahawa Perubahan Harga Getah Memberi Kesan Terhadap Permintaan Keluaran Syarikat MARDEC Berhad.	39

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENGKENALAN**

Getah merupakan suatu aset yang penting kepada negara di dalam sektor komoditi. Harga getah dunia juga sering berubah-ubah di pasaran dunia dan ini memberi kesan sampingan kepada syarikat yang bergiat di dalam industri ini. Harga getah dunia juga dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran di pasaran. Seperti yang diketahui umum, harga getah dunia pada masa ini adalah tinggi iaitu 550 sen sekilogram. Kesan peningkatan terhadap harga getah dunia ini akan mengakibatkan barang berdasarkan getah melambung tinggi.

Di Malaysia khususnya, ramai tenaga kerja yang pada mulanya berkhidmat dengan pihak swasta berhenti dan sanggup pulang ke kampung halaman semata-mata untuk mengusahakan ladang getah untuk mendapatkan hasil pendapatan yang lebih lumayan berbanding semasa berkhidmat di sektor kerajaan maupun swasta. Kesimpulanya, perubahan ini membawa kesan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan getah iaitu dari yang membekalkan getah mentah hingga ke syarikat besar yang mengeluarkan produk berdasarkan getah. Syarikat seharusnya mempunyai perancangan yang lebih strategik dalam menghadapi kesan perubahan harga getah dunia ke atas syarikat dan dapat bersaing antara satu sama lain dengan lebih proaktif.

## 1.1 GETAH

Seperti yang diketahui getah banyak kegunaannya. Banyak kisah mengenai getah yang telah terkenal dari dulu. Antara kisah ringkas menurut wikipedia pada tahun 1949, Christopher Columbus membawa balik cerita-cerita pelik seperti sebiji bola yang boleh melambung yang mana orang-orang di Pulau Haiti di Laut Caribbean membuat bola permajinan ini dari gam sejenis pokok. Begitu juga kisah Charles Goodyear pada tahun 1839, secara tidak sengaja mencipta volkanan getah. Akhirnya tayar kereta tercipta daripada getah.

Menurut wikipedia, pada tahun 1900, terdapat 2500 hektar kebun getah di Asia. Semenjak Henry Ford mula membuat kereta permintaan terhadap tayar getah meningkat secara mendadak. Pada tahun 1910, terdapat 500,000 hektar tanah yang ditanam dengan pokok getah di Asia. Pada masa itu, enam juta hektar pokok getah masih belum mencukupi untuk menampung permintaan tayar getah.

Pada tahun 1984, Semenanjung Malaysia mengeluarkan 1,486,025 tan metrik getah. Kira-kira 60 % daripada keluaran ini disumbangkan oleh sektor kebun kecil. Biasanya pekebun kecil tinggal berdekatan dengan kawasan pokok getah. Setelah 6 tahun ditanam, barulah pokok getah boleh ditereh.

Menurut wikipedia, kepingan getah dijual kepada pembeli tempatan. Susu getah menjadi beku dengan mencampur asid formik, digelek dalam mesin penggelek. Susu getah cair dipanggil lateks. Lateks dijual kepada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC), sebuah agensi kerajaan. Agensi kerajaan iaitu Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) menggalakkan pekebun kecil membangunkan kebun secara berkelompok. Kontraktor dilantik untuk membantu mananam getah di kawasan terbiar dan pokok getah tua.

Getah mempunyai pelbagai kegunaan. Antaranya ia boleh dibuat sebagai tayar getah, hos kapal terbang, pelapik dermaga di pelabuhan agar dermaga tidak bergegar dan macam-macam lagi kegunaan.

Pada suatu masa, getah sintetik bersaing dengan hebatnya dengan getah asli. Bagaimanapun dengan kenaikan harga minyak, getah asli mempunyai peluang yang cerah dengan daya saing yang lebih. Ini kerana beberapa fakta seperti harga getah sintetik akan naik kerana minyak merupakan bahan utama untuk membuatnya. Selain itu, bekalan getah asli kurang kerana harga getah yang rendah sebelum ini. Pokok getah baru memerlukan masa untuk matang. Ia juga bergantung kepada fakta yang menyatakan bekalan getah pada masa ini mendapat permintaan yang tinggi daripada Negara China. Ini menyebabkan tiada bekalan bagi permintaan yang meningkat.

## **1.2 PENGENALAN SYARIKAT**

Mardec merupakan sebuah syarikat Malaysia yang telah ditubuhkan dan berpengalaman selama 30 tahun dalam bidang perindustrian getah Malaysia. Semasa ia ditubuhkan matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan kualiti pengeluaran getah Malaysia dan untuk mengatur semula pemasaran getah Malaysia.

Pada hari ini, Mardec merupakan sebuah syarikat yang memainkan peranan yang penting dalam pelaburan aktiviti pemprosesan getah, perdagangan, pengilangan produk berasaskan getah dan pemasaran getah di pasaran dunia. Syarikat Mardec juga merupakan sebuah syarikat yang berpandangan global dengan penggunaan barang teknologi mengikut peredaran masa demi untuk mengeluarkan produk yang berkualiti dan memenuhi standard antarabangsa.

Subsidiari syarikat ini adalah untuk mengeluarkan produk berasaskan getah, plastik dan komponen yang berspesifikasi seperti yang dikehendaki oleh pelanggan dari peringkat antarabangsa dan tempatan. Dalam masa yang sama syarikat Mardec juga menawarkan khidmat nasihat dari segi teknikal dan pengurusan. Ia juga merupakan sebuah syarikat yang berpaktat dengan syarikat antarabangsa dengan membentuk usaha sama untuk meluaskan perniagaannya di pasaran antarabangsa.

Syarikat ini amat mementingkan kualiti pengurusan dalam semua operasi dari awal sehingga pengeluaran produk. Ini adalah untuk memastikan produk yang dikeluarkan oleh syarikat Mardec memenuhi standard dan kualiti yang dikehendaki dipasaran antarabangsa. Sebagai imbuhan bagi komitmen yang diberi oleh syarikat Mardec ini, syarikat ini telah menerima MS ISO 9001: 2000.



### **1.3 PENYATAAN MASALAH**

“Mengkaji kesan perubahan harga getah dunia ke atas Syarikat MARDEC Bhd”

Dengan itu, penyelidik ingin mengkaji mengenai kesan yang dialami oleh Syarikat MARDEC Bhd akibat daripada perubahan harga getah dunia keatas syarikat tersebut. Ia juga diambil kira dari segi keuntungan yang diterima oleh pihak syarikat dan apakah perancangan syarikat untuk menghadapi perubahan harga getah dunia serta persaingan yang hebat dengan harga getah tiruan yang terdapat di pasaran dunia secara meluasnya.

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat beberapa objektif untuk menjalankan kajian ini. Antara objektif kajian tersebut ialah :

- i. Mengkaji kesan perubahan harga getah dunia terhadap operasi Syarikat MARDEC Berhad.
- ii. Mengkaji kesan perubahan harga getah dunia terhadap pengeluaran produk di Syarikat MARDEC Berhad.
- iii. Mengkaji kesan perubahan harga getah dunia terhadap permintaan produk di MARDEC Berhad.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan di Syarikat MARDEC Bhd, Bangunan MARDEC, Jalan Kerja Ayer Lama, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini melibatkan beberapa orang pegawai di syarikat tersebut yang mana telah terlibat dalam sesi soal jawab. Skop kajian lebih ditumpukan pada objektif kajian dan jabatan yang berkaitan akan ditempatkan pada kami untuk mendapatkan maklumat dengan lebih komprehensif. Di samping itu, 30 set borang soal selidik telah diedarkan kepada kakitangan syarikat tersebut bagi mendapatkan maklumat daripada kakitangan syarikat tersebut. Selain daripada edaran borang soalselidik, temuramah secara ringkas telah dijalankan pada pegawai yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat tambahan.

## **1.6 REKABENTUK PENYELIDIKAN**

Kajian ini berbentuk diskriptif iaitu melibatkan pengumpulan data untuk menjawab beberapa soalan mengenai kajian. Rasionalnya ialah bertujuan mengumpul maklumat mengenai kesan perubahan harga getah dunia ke atas pengeluaran produk syarikat. Kutipan data dilakukan dengan mengadakan temubual dengan beberapa orang pegawai syarikat dan pengedaran borang soal selidik kepada kakitangan syarikat untuk memudahkan statistik dilakukan dengan lebih berkesan.

## **1.7 TEMPAT KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di Syarikat MARDEC Bhd yang terletak di Bangunan Mardec di Jalan Ayer Kerja, Ampang. Ini kerana Syarikat MARDEC Bhd merupakan syarikat yang mengeluarkan produk berasaskan getah. Responden kajian ini terdiri daripada kakitangan dan beberapa pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tambahan di Syarikat MARDEC Bhd di Ampang.

## **1.8 SAMPEL KAJIAN**

Data kajian ini diambil hasil daripada temuramah dengan pegawai-pegawai di Syarikat MARDEC Bhd. Seramai 30 orang kakitangan syarikat daripada pelbagai jabatan juga telah diambil sebagai sampel merangkap populasi penuh untuk kajian ini. Rasional pemilihan kumpulan ini adalah kerana mereka bekerja di syarikat yang mengeluarkan produk getah dan turut menerima kesannya serta mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang harga getah dan kesannya terhadap penggunaan secara peribadi mahupun kesan keatas dunia.

## **1.9 INSTRUMEN KAJIAN**

Untuk kaedah temuramah, penyelidik menyediakan dahulu set soalan untuk diajukan kepada pegawai terbabit. Terdapat beberapa soalan yang berkaitan dengan operasi, permintaan dan pengeluaran produk dan kesan perubahan harga getah ke atas syarikat.

Borang soalselidik pula digunakan untuk mengumpul data bagi kajian ini. Kutipan data dijalankan dengan menggunakan set borang soalselidik yang dibuat. Borang soalselidik ini boleh dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C.